

Jurnal Pendidikan Malaysia 43(1)(2018): 59-66

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.01-08>

Pengalaman Pengajaran Guru Novis Pendidikan Islam: Implikasi terhadap Reka Bentuk Kurikulum Latihan Pendidikan Guru

(Islamic Education Novice Teachers' Teaching Experiences: Implications towards Teacher Training Curriculum Design)

TENGGU SARINA AINI TENGGU KASIM* FATIMAH SAHIDA ABDURAJAK

ABSTRAK

Program latihan pendidikan guru di institusi pengajian tinggi menyediakan asas yang baik untuk menyediakan guru pelatih untuk kompeten dalam bidang pendidikan. Walau bagaimanapun, kajian literatur mendedahkan bahawa sesetengah guru-guru novis bergelut untuk memainkan peranan dan tanggungjawab mereka dengan berkesan sebagai pendidik baru, kerana mereka menghadapi masalah dan cabaran dalam menterjemahkan pengetahuan berasaskan teori pedagogi mereka ke dalam amalan pengajaran sebenar. Selain itu, menjadi graduan baharu dan pendidik baharu, mereka diharapkan dilengkapi dengan kemahiran pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada pengalaman pengajaran guru novis Pendidikan Islam, seperti kompetensi pedagogi, tahap profesionalisme dan bimbingan daripada rakan sekerja. Sepuluh guru novis Pendidikan Islam dari empat negeri di Malaysia dipilih dengan menggunakan pensampelan bertujuan. Sebagai sumber pengumpulan data, temu bual individu separa berstruktur menggunakan reka bentuk kualitatif telah digunakan. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa guru novis Pendidikan Islam mempunyai isu dan cabaran dalam tempoh 5 tahun awal perkhidmatan, iaitu tekanan akibat berjauhan daripada keluarga, pengurusan tingkah laku pelajar dan tekanan bebanan kerja. Kajian ini memberi implikasi bahawa latihan pendidikan guru Pendidikan Islam perlu menambahkan reka bentuk kurikulum bagi menghasilkan guru yang memiliki kefahaman dan kemahiran kontemporari.

Kata Kunci: Guru novis pendidikan Islam; reka bentuk kurikulum; latihan pendidikan guru

ABSTRACT

Teacher training programmes in higher institutions provide a good foundation to prepare student-teacher to be competent in teaching and learning field. However, literature revealed that some of the novice teachers struggled to play their roles and responsibilities effectively as a new educator; as they encountered problems and challenges in translating their pedagogical theory-based knowledge into real teaching practice. Moreover, being fresh graduates and new educators; they are expected to be well equipped with advanced 21st century's teaching and learning skills. Therefore, this study focuses on Islamic Education novice teachers' experiences, such as their pedagogical competencies, teachers' professionalism and mentorship. Ten Islamic Education novice teachers from four different states in Malaysia were selected by using purposive sampling. As a source of evidence, qualitative semi-structured individual interviews were employed. The results indicated on issues and challenges arose during Islamic Education novice teachers' early years of teaching, such as distress in working far away from families, student behavior management and work stress. The implication of this study is the Islamic Education teacher training programmes need to improve the curriculum design that can produce a teacher with understanding and contemporary skills.

Keywords: Islamic education novice teachers; curriculum design; teacher training

PENDAHULUAN

Latihan pendidikan guru merupakan sebuah platform bagi bakal guru pelatih untuk mempelajari selok-belok mengenai dunia perguruan. Penawaran latihan pendidikan guru di Malaysia tidak tertumpu di universiti awam sahaja, akan tetapi ia juga ditawarkan di universiti swasta dan juga institut pengajian tinggi lain seperti Institut Pendidikan Guru (IPG). Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan

(PISMP) ini dikhususkan bagi melatih bakal guru dalam bidang masing-masing untuk dibekalkan di sekolah-sekolah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia-KPM (Kementerian Pendidikan Tinggi 2017).

Setiap institusi pengajian tinggi yang menawarkan latihan pendidikan guru mempunyai kurikulum yang berbeza. Hal ini disebabkan oleh kerana setiap institusi mempunyai panel pakar mereka yang tersendiri untuk mereka bentuk kurikulum tersebut, dan akan disahkan oleh

senat di institusi masing-masing. Oleh itu, pelaksanaan sesebuah institusi mengenai program latihan juga adalah berbeza, namun mempunyai tujuan yang sama dan selaras dengan keperluan kurikulum KPM, iaitu untuk melahirkan guru yang efektif dan boleh menyumbang kepada pembangunan intelek generasi seterusnya. Hal ini bersesuaian dengan matlamat latihan pendidikan guru iaitu untuk melengkapkan guru dengan ilmu pengetahuan, sikap, tingkah laku dan kemahiran yang diperlukan supaya tugas guru di bilik darjah dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan.

Kurikulum ialah segala rancangan pendidikan (akademik dan kokurikulum) yang dikendalikan oleh sesebuah institusi pendidikan untuk mencapai matlamat pendidikan. Ia merupakan suatu rancangan yang meliputi segala ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan norma, unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan masyarakat untuk disalurkan kepada ahli-ahlinya. Kurikulum yang ditetapkan perlu melibatkan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dijangka akan diperolehi oleh pelajar pada akhir tempoh pengajian masing-masing.

Reka bentuk kurikulum merupakan cara kurikulum itu dibentuk dan komponen utama kurikulum seperti matlamat dan objektif, kandungan kurikulum, pedagogi dan penilaian disusun dalam sesuatu kurikulum untuk menghasilkan pengajaran. Ia menerangkan tentang sesuatu subjek, menyediakannya untuk kegunaan di dalam kelas, dan memberi impak yang berkekalan kepada pelajar. Justeru, pengetahuan khusus seseorang tentang sesuatu bidang kurikulum, sama ada dalam subjek Pendidikan Islam, geografi atau matematik adalah penting. Walau bagaimanapun, reka bentuk kurikulum bukan sahaja mencakupi isi kandungan mengenai sesuatu subjek, akan tetapi meliputi juga segala aspek yang mempengaruhi perkembangan pelajar seperti bahan bantu mengajar, kelengkapan mengajar, persekitaran pembelajaran, pendekatan pengajaran dan sebagainya, yang boleh menjadikan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) terlaksana dengan efektif dan efisien. Oleh itu, setiap program di peringkat institusi pengajian tinggi mempunyai reka bentuk kurikulumnya yang tersendiri, di mana beberapa orang panel pakar akan dilantik untuk menggubal kurikulum tersebut mengikut objektif program masing-masing.

Pendekatan berpusatkan guru adalah satu pendekatan tipikal dalam PdPc pada abad ke-20, yang mana fokus utama adalah kepada guru sahaja. Bagi pendidikan pada abad ke-21 ini, adalah penting untuk menggunakan pendekatan selain daripada pendekatan berpusatkan kepada guru sahaja. Walaupun begitu, pengamalan di Asia adalah sukar untuk diterapkan kerana guru masih terbiasa dengan pendekatan tradisional, iaitu berpusatkan guru (Tengku Sarina Aini & Yusmini 2014). Hal ini boleh diatasi sekiranya bakal guru terlebih dahulu didedahkan dan dipupuk dengan pendekatan pemusatan pelajar ketika menjalani latihan profesional pendidikan guru. Ini adalah kerana mereka bakal berkhidmat sebagai guru di sekolah,

yang akan membawa inovasi dan nafas baru dalam sistem pendidikan.

Guru Pendidikan Islam yang merupakan agen utama untuk menyalurkan ilmu secara formal berkaitan dengan amalan-amalan agama dan menanam penghayatan Islam kepada pelajar perlu mengetahui dan mengamalkan peranan profesional mereka sebagai seorang guru, seperti memahami kurikulum, mempunyai pengetahuan mendalam dalam bidang yang diajar, kaedah pengajaran yang selari dengan arus pelajar masa kini dan juga sentiasa bermotivasi untuk melaksanakan tugas dengan baik.

Terdapat kajian yang meluas membincangkan mengenai guru-guru novis, sama ada dalam membezakan mereka dengan guru yang berpengalaman ataupun mengenai kebolehan mereka sendiri. Antara isu-isu yang sering dibahaskan adalah berkenaan dengan pelaksanaan PdPc guru novis di dalam kelas dan luar kelas, hubungan sosial mereka dengan para guru yang lain mahupun pentadbir, dan juga kerja pentadbiran yang perlu dilakukan di luar waktu PdPc.

Isu guru novis yang mempunyai masalah dalam 'kompetensi pedagogi' telah dilaporkan di dalam beberapa kajian. Sebagai contoh, Goh, Qismullah dan Wong (2017) telah mengenalpasti beberapa masalah dalam kompetensi pedagogi guru novis di Malaysia, iaitu kawalan bilik darjah, tingkahlaku pelajar, penyediaan pengajaran, pengetahuan mereka terhadap pedagogi, memahami keperluan pelajar dan juga kesedaran sebagai seorang guru. Wolff, Jarodzka dan Boshuizen (2017) pula membuat perbandingan antara interpretasi guru novis dan guru yang berpengalaman terhadap pengurusan kelas yang bermasalah dengan memfokuskan kepada peranan guru novis dalam menangani masalah pengurusan kelas mereka.

Orgoványi-Gajdos (2015), Oshrat-Fink (2014), dan Lokman et al. (2014) masing-masing mendapati bahawa guru novis mempunyai kesukaran dalam mengadaptasi apa yang telah dipelajari semasa berada dalam institusi latihan pendidikan guru ke dalam kelas yang sebenar. Seterusnya, di antara isu yang lain yang telah dibincangkan di dalam kajian Goh, Nor Shah dan Wong (2012) adalah menyentuh mengenai 'tahap profesionalisme guru novis'. Kajian juga mendapati bahawa guru novis di Malaysia menghargai pertolongan dan sokongan daripada rakan sekerja mereka (Goh 2013). Mereka didapati tidak malu dan teragak-agak untuk membina hubungan dengan rakan sekerja dan mendapatkan bimbingan.

Di Malaysia, secara teorinya, semua guru novis termasuk guru novis Pendidikan Islam telahpun dilatih dengan baik oleh institusi masing-masing bagi memenuhi tuntutan industri Pendidikan. Transisi daripada guru pelatih kepada guru dalam perkhidmatan bukan mudah, kerana guru novis perlu berhadapan dengan realiti sebenar dalam memainkan peranan dan tanggungjawab yang mereka belum pernah alami semasa berada dalam latihan pendidikan guru. Peranan mereka tidak terhad kepada PdPc, tetapi juga untuk memupuk pelajar untuk mencapai kehidupan seimbang, bertepatan dengan harapan KPM yang mahukan pendidikan

yang holistik. Walau bagaimanapun, tiada penyelidikan telah dibuat untuk meneliti cabaran dan isu-isu mengenai guru novis Pendidikan Islam, terutamanya di Malaysia. Justeru, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti program latihan guru, terutamanya dalam membuat penambahbaikan reka bentuk kurikulum latihan pendidikan guru Pendidikan Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini mengupas mengenai pengalaman pengajaran guru novis Pendidikan Islam di sekolah sebagai kesinambungan kepada latihan pendidikan guru. Oleh itu, objektif kajian yang ingin dicapai ialah:

1. Untuk mengenal pasti pengalaman pengajaran guru novis Pendidikan Islam dalam tempoh 5 tahun awal perkhidmatan.
2. Untuk menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi guru novis Pendidikan Islam dalam tempoh 5 tahun awal perkhidmatan.
3. Untuk membuat penambahbaikan reka bentuk kurikulum bagi Latihan Pendidikan Guru Pendidikan Islam.

METODOLOGI

Oleh kerana penyelidik ingin mengetahui pengalaman guru novis semasa berkhidmat menjadi guru dalam perkhidmatan di sekolah, penyelidik menggunakan rekabentuk kajian kualitatif. Denzin dan Lincoln (2011) menyatakan bahawa penyelidik kualitatif mengkaji dan memahami tentang perkara-perkara dalam persekitaran semula jadi informan, cuba untuk memahami atau menafsirkan fenomena yang berlaku dari segi makna yang dibawa oleh informan sendiri. Hal ini disokong oleh Yin (2011) yang mana antara ciri-ciri bagi kajian kualitatif ialah mengkaji mengenai makna kehidupan manusia dalam dunia sebenar. Justeru, kajian ini dilakukan untuk meneroka perspektif informan secara terus terhadap konteks hubungan pengalamannya dalam berhadapan suasana pekerjaan yang sebenar dengan hasil yang diperolehi semasa bergelar guru pelatih.

Selepas melakukan kajian literatur, penyelidik telah menggunakan temu bual individu separa berstruktur bagi tujuan pengumpulan data. Hal ini memberi peluang bagi penyelidik untuk mendengar pandangan informan mengenai konteks kajian dan dapatan yang unik daripada informan. Sebagai panduan semasa temu bual, protokol temu bual telah disediakan dan soalan yang telah diajukan lebih fleksibel untuk mendapatkan maklum balas daripada informan.

Sampel temu bual dalam kajian ini terdiri daripada guru novis yang sedang berkhidmat sebagai guru subjek Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di 4 buah zon, yang mana satu negeri dipilih untuk mewakili

setiap zon di Malaysia. Justeru, untuk reka bentuk penyelidikan kualitatif, pensampelan bertujuan (purposive sampling) digunakan untuk menentukan kriteria pemilihan yang penting dalam memilih sampel kajian untuk dikaji. Data daripada temu bual telah ditranskripsikan dan kemudian, semua data tersebut dikodkan dan dianalisis secara tematik untuk menentukan idea yang berbeza dan berulang dengan menggunakan Model Interaksi Miles dan Huberman (Miles & Huberman 1994).

PERBINCANGAN

Untuk penulisan artikel ini, sebanyak 10 orang guru novis Pendidikan Islam telah dipilih daripada 4 buah zon. Setiap guru tersebut akan diperkenalkan sebagai GNPI1 hingga GNPI10 bagi menggantikan nama sebenar mereka. Daripada analisis temu bual 10 orang guru novis Pendidikan Islam, penyelidik menemui tiga isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru novis Pendidikan Islam. Sebagai rangkuman daripada isu tersebut, penyelidik telah mendatangkan beberapa cadangan penambahbaikan kurikulum bagi latihan pendidikan guru Pendidikan Islam.

ISU PERTAMA: GURU DUKA LARA

Isu ini memfokuskan kepada tekanan yang dihadapi guru novis akibat daripada bekerja berjauhan dengan pasangan atau keluarga mereka. Isu ini bukanlah satu masalah yang baru dalam kerjaya guru di Malaysia (Mstar 28 November 2015; Rudy Fazrunisyam 2017; Sinar Harian 21 Disember 2015), di mana statistik terkini (Jun 2017) yang dikeluarkan oleh KPM, permohonan pertukaran guru secara keseluruhan berjumlah 20,470 orang (Muhaamad Hafis 2017). Daripada jumlah tersebut, hanya 2,825 orang atau 13.8 peratus daripada jumlah keseluruhan telah diluluskan pertukarannya oleh Kementerian Pendidikan (Muhaamad Hafis 2017).

Saya 'PJJ' dengan suami dan anak-anak... Daripada awal posting saya terus minta tukar, tapi tak dapat lagi... Suami pun cikgu juga, (dia) pernah minta tukar, tapi tak dapat. (GNPI6)

GNPI6 merupakan salah seorang daripada guru yang tidak diluluskan pertukaran dan tergolong dari "*guru duka lara*" akibat berjauhan dengan pasangan dan anak-anaknya sepanjang tempoh perkhidmatan beliau selama 4 tahun. Situasi ini telah memberi kesan terhadap kepuasan kerja beliau dan sedikit sebanyak mengganggu beliau dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang berkesan sebagai seorang guru Pendidikan Islam. Situasi ini merupakan salah satu faktor yang boleh mengganggu kepuasan bekerja seseorang individu kerana ketiadaan keharmonian hubungan dengan keluarga. Kajian Chin dan Norzaini (2017) mendapati tahap tekanan kerja guru duka lara ini lebih tinggi berbanding dengan guru tempatan (guru yang tinggal berdekatan dengan keluarga) kerana tidak mendapat tahap kepuasan kerja yang baik.

Walaupun GNPI6 tidak menzahirkan tekanan tersebut dalam temu bual, akan tetapi intonasi suara beliau berubah jika menyentuh mengenai keadaan beliau yang berjauhan dengan keluarga. Hasil daripada temu bual penyelidik bersama pengetua menunjukkan bahawa prestasi kerja GNPI6 semakin merosot, dan salah satu sebab yang lain juga adalah kerana beliau merupakan satu-satunya guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan tersebut bagi sesi pagi dan juga sesi petang. Kajian Chin dan Norzaini (2017) juga ada membahaskan mengenai penyebab terhadap tekanan kerja ini yang bukan terhasil hanya daripada profesion mereka sebagai seorang guru novis, akan tetapi juga disebabkan oleh persekitaran mereka yang berjauhan dengan pasangan dan keluarga.

Kajian Ruzina (2012) melaporkan bahawa prestasi guru dalam kalangan guru yang berjauhan adalah menurun, disebabkan guru sering kali berulang-alik pada hujung minggu untuk berjumpa dengan suami dan keluarga. Emosi mereka terganggu disebabkan kepenatan daripada perjalanan daripada tempat berkhidmat dan tempat di mana pasangan dan keluarga berada. Hasil dapatan juga menyatakan bahawa bukan guru yang berkahwin sahaja yang mengalami tekanan emosi disebabkan hal ini, guru yang masih bujang juga mengalaminya disebabkan masalah ibu bapa yang sedang sakit. Kurang toleransi daripada pihak sekolah juga antara satu sebab prestasi guru menurun, di mana guru tertekan untuk memilih untuk berada di sekolah pada hujung minggu jika terdapat program khas ataupun pulang ke pangkuan keluarga yang memerlukan keberadaan mereka.

Bagi pandangan sayalah, kena bersedia dengan cabaran yang akan diletakkan oleh KPM di mana-mana tempat. Jadi kena ada kuat semangatlah. -- bila diletakkan mana-mana guru pun, biar dekat dengan keluarga masing-masing. Ini boleh memberi lagi semangat kepada guru untuk mengajar pelajar dalam sekolah. – Saya PJJ dengan suami dari awal posting 2014, bulan 5 tahun ni baru boleh duduk dengan suami. (GNPI10)

GNPI10 juga mengalami nasib yang sama dengan GNPI6, akan tetapi beliau bernasib baik apabila suami beliau sudah diluluskan permohonan bertukar ke negeri tempat beliau berkhidmat. Nilai kekeluargaan adalah satu nilai asas yang amat penting bagi masyarakat Asia, terutama sekali di Malaysia. Oleh itu, tinggal berdekatan dengan keluarga memberikan impak yang positif kerana ia memainkan peranan penting dalam keberhasilan dan kebahagiaan hidup seseorang. Ini adalah kerana kepuasan atau tekanan dalam bekerja ini dipengaruhi oleh persekitaran, yang mana ia akan mempengaruhi individu dalam membuat penilaian dan persepsi mengenai persekitaran tersebut.

ISU KEDUA: PENGURUSAN TINGKAHLAKU PELAJAR

Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) melaporkan, satu per dua dari guru-guru di Brazil, Malaysia dan Singapura menghabiskan lebih 15% daripada masa PdPc untuk mengawal kelas mereka, yang mana guru

kehilangan masa yang berlebihan untuk PdPc bagi mengurus pelajar yang mempunyai tingkahlaku bermasalah di dalam kelas (OECD 2014: 9). Guru yang kurang berpengalaman sering kali melihat pengurusan kelas dari segi peraturan dan disiplin, yang mana mereka menilai dari sudut pemerhatian pelajar dan mempamerkan tingkah laku yang boleh diterima di dalam kelas. Hal ini berbeza dengan guru yang berpengalaman, di mana mereka kurang menekankan masalah tentang kawalan kelas, akan tetapi melihat kepada punca sebenar sesuatu masalah tersebut, sejauhmana pembelajaran pelajar semasa PdPc dan bagaimana untuk meningkatkan kualiti pembelajaran mereka (Wolff et al. 2017). Situasi ini turut dijumpai semasa temu bual dijalankan. Majoriti daripada guru novis Pendidikan Islam menyatakan mereka mempunyai masalah berkenaan dengan pengurusan tingkahlaku atau sikap pelajar semasa aktiviti PdPc dijalankan. Di antaranya ialah:

Sikap diorang nak belajar tu, susah. Diorang sendiri tak mau nak bekerjasama. Payah kalau nak buat grouping apa semua. (GNPI5)

Pelajar ni dia susah sikit nak control. -- Terutamanya pelajar lelaki. Kenakalan diorang tu boleh merosakkan mood semua orang. (GNPI7)

Ada yang lain, layan diri sendiri, macam dunia diorang sendiri ja. Mungkin sebab saya, kemahiran saya, saya tidak boleh attract budak untuk beri tumpuan. (GNPI3)

Hal ini mungkin dapat diatasi jika GPI lebih sensitif dengan persekitaran serta meraikan kepelbagaian pelajar di dalam kelas. Guru perlu membina kepercayaan pelajar terhadap proses pengajaran supaya mereka yakin untuk terlibat secara sukarela dalam aktiviti pembelajaran. Justeru, guru perlu memainkan peranan sebagai pembimbing untuk mendengar luahan atau pendapat pelajar, di sampingmelibatkan mereka sebagai pembentang di dalam kelas. Guru juga perlu memberikan hak kebebasan untuk bersuara kepada pelajar, kerana ia menggalakkan interaksi yang memberangsangkan di antara pelajar (Rohani et al. 2017). Kepercayaan guru untuk memberikan pelajar autonomi dalam proses PdPc akan meningkatkan motivasi mereka untuk belajar dan memberi kerjasama. Dalam laporan OECD (2014), didapati guru menjadi lebih bersemangat untuk mempelbagaikan amalan PdPc yang berkesan jika pelajar mereka bermotivasi untuk belajar di dalam kelas.

Kajian ini jelas menunjukkan bahawa guru novis terpaksa berhadapan dengan pelbagai karenah dan ragam pelajar dalam bilik darjah yang turut mengganggu proses PdPc. Kebiasaannya, kelas-kelas yang tidak diurus dengan baik akan menyumbang kepada masalah disiplin pelajar dan ini boleh menghalang pendekatan pengajaran yang berkesan dari berlaku. Justeru, pengetahuan guru mengenai strategi pengawalan yang sesuai digunakan terhadap pelajar yang bermasalah tingkahlaku adalah aspek yang penting untuk diberi perhatian.

Kajian lepas membuktikan bahawa guru novis yang mempunyai pengalaman cetek dalam mengawal kelas sebenarnya mempunyai masalah yang sama ketika

praktikum, disebabkan kurang pendedahan awal mengenai cara untuk mengatasi. Sebagai contoh, dapatan kajian Orgoványi-Gajdos (2015), 70% daripada guru novis yang menjadi responden, menyatakan bahawa latihan pendidikan guru kurang memberi pendedahan dengan realiti sebenar masalah di dalam kelas. Ini memerlukan masa untuk guru novis membangunkan kemahiran mereka dalam kawalan kelas, melalui proses PdPc.

ISU KETIGA: TEKANAN BEBAN KERJA

Antara cabaran terbesar bagi seorang guru adalah menyediakan diri mereka untuk menerima bebanan kerja pentadbiran yang diberikan oleh pihak pentadbir sekolah. Bukan sahaja guru yang terlatih merasai bebanan tersebut, akan tetapi guru pelatih juga turut mengalaminya sehingga ada segelintir daripada guru pelatih yang menanggukkan kerja yang diberikan oleh penyelia dari institusi pendidikan guru, kerana terlalu sibuk menjalankan urusan lain di sekolah (Tengku Sarina Aini 2017). Perkara ini juga dijumpai dalam kajian ini. Sebagai contoh, luahan seorang guru novis (GNPI8) dalam kajian ini:

Terus terang, sekolah ni banyak program. Bukan guru tetap sahaja yang mengeluh, guru praktikal pun mengeluh... Kami kerja kadang-kadang, yang 'A' tak siap, ada lagi 'a' kecil. 'A' kecil pun tak sempat siap, dah ada 'B'. --- Dengan tugas yang berlambak-lambak ni, stress lah... (GNPI8)

Pendapat GNPI8 ini disokong oleh seorang guru novis yang lain, GNPI10:

Memanglah kalau satu orang tu 2, 3 jawatan dia kena pegang. Macam saya, contoh saya guru penasihat Puteri Islam, ketua lah. Lepas tu, guru penasihat Agama Islam.

Lepas tu, AJK (sukan) pun sama jugak, AJK rumah kuning. Lepas tu, hmmm apa, bahagian kebajikan lagi pegang, and then ada banyak kerja jugaklah. Lepas tu ketua panitia lagi. Banyak macam.... (GNPI10)

Kajian ini menyokong kajian Mohd Aderi, Mohd Sofian dan Asmawati (2013) yang mendapati bahawa bebanan kerja GPI yang berat dan kekangan masa untuk mengajar bacaan al-Quran menyumbang kepada terhalangnya pelaksanaan pengajaran guru yang efektif dalam pelbagai aktiviti PdPc. Akan tetapi, berlainan dengan pendapat GNPI4, yang mana beliau memberitahu bahawa dia tidak terganggu dengan bebanan kerja di luar waktu PdPc. Melalui program di luar kelas, GNPI4 merasakan "*pelajar boleh menyerap masuk input*" yang boleh membantu mereka untuk menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada. GNPI4 menjelaskan bahawa kerja yang pelbagai juga mempunyai banyak kelebihan. Sebagai contoh, beliau menegaskan bahawa kerja tersebut boleh menyumbang ke arah sikap yang positif untuk membuat kerja tambahan di sekolah seperti penyediaan kertas kerja dan sebagainya.

Banyak program pun tiada masalah. -- Sebab kalau sebenarnya, saya lagi suka – iyalah..., student bukan belajar dalam kelas aje kan? Yang aktiviti luar ni pun, diorang boleh dapat ilmu, kan? (GNPI4)

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KURIKULUM LATIHAN PENDIDIKAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

Berdasarkan kepada isu dan cabaran guru novis Pendidikan Islam yang telah dikenalpasti dalam kajian ini, beberapa bentuk kemahiran muncul sebagai elemen yang harus lebih diketengahkan dan difokuskan semasa program



Sumber: Tengku Sarina Aini (2017)

RAJAH 1. Elemen yang dicadangkan sebagai penambahbaikan reka bentuk kurikulum latihan pendidikan guru Pendidikan Islam

latihan guru di institusi pendidikan guru. Elemen-elemen ini membentuk kemahiran insaniah yang seharusnya diintegrasikan sama ada dalam kursus yang sedia ada ataupun berasingan. Rajah di bawah menunjukkan lima elemen yang boleh meningkatkan kompetensi guru pelatih melalui latihan pendidikan guru.

Elemen yang melibatkan pelajar dengan masyarakat ini boleh membantu guru pelatih dalam mengasah kemahiran sosial dan membina jaringan hubungan dengan pelbagai pihak di luar universiti. Selain itu, ia juga membolehkan guru pelatih untuk berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat umum. Kemahiran ini boleh didapati menerusi kursus seperti Jalinan Masyarakat, Program Orientasi Sekolah dan mana-mana kursus yang mempunyai penglibatan terus dengan warga sekolah khususnya atau masyarakat umumnya. Ini adalah kerana guru perlu mencari peluang untuk belajar dan berkembang dalam masyarakat, terutamanya daripada mereka yang belatar belakangkan pendidikan.

Elemen pengintegrasian antara isu semasa dan pelajaran adalah amat penting dalam meluaskan pengetahuan guru pelatih mengenai isi kandungan kursus dengan meliputi aspek peredaran masa khususnya isu yang terjadi pada masa kini. Dengan ini, guru pelatih akan lebih bersedia dalam menghadapi perubahan, seperti perubahan revolusi perindustrian 4.0, dengan mengadaptasi perubahan tersebut berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka yang meluas. Revolusi perindustrian 4.0 ini akan memberikan impak kepada pendidikan terutamanya, di mana akan dijangka 35 ke 50% pekerjaan akan pupus dan diganti oleh automasi mahupun robot. Institut pendidikan tinggi diharapkan dapat mereka bentuk kurikulum yang lebih fleksibel dan melahirkan pelajar yang boleh memiliki empat ciri-ciri berikut; komunikasi, kolaborasi, berfikir secara kritis dan kreatif (Rozana 2017). Justeru, tugas atau kerja kursus yang diberikan kepada guru pelatih dalam semua subjek hendaklah bersifat lebih kontemporari dan analitikal agar dapat melahirkan guru pelatih yang bersifat sanggup dan mampu meneroka sejajar dengan revolusi tersebut.

Elemen pembelajaran menerusi pengalaman serta elemen pembelajaran melalui penyelesaian masalah juga merupakan kesinambungan daripada elemen sebelumnya, yang mana kedua-duanya sebagai pelengkap bagi menyelesaikan permasalahan yang diberikan dalam tugas atau kerja kursus. Oleh itu, guru pelatih dapat belajar melalui pengalaman mereka sendiri dalam meneroka permasalahan tersebut. Ini bertepatan dengan teori penerokaan kritikal yang mana pengalaman seseorang individu akan lebih bermakna dan penting apabila ia melibatkan aspek kognitif dan emosi mereka dalam mengkonstruksi fahaman mereka tanpa diberikan jawapan (Hoidn 2017). Dalam kajian Kamarul, Farah, Hasnah, Manoriza dan Zairiniah (2017) mengenai kemahiran generik dan pencapaian akademik dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia mendapati bahawa melalui pendedahan praktikum dan aktiviti yang berasaskan sekolah menyumbang kepada pementapan

kemahiran generik guru pelatih. Ia turut disokong oleh Abdul Rasid, Nurul Nadiah dan Shamsudin (2015) yang mana pendedahan tersebut boleh dibuat melalui pelbagai aktiviti yang sistematik semasa dalam tempoh pengajian. Oleh itu, kursus-kursus seperti Latihan Praktikum, Pengajaran Mikro dan Program Orientasi Sekolah adalah merupakan sebahagian daripada wahana bagi memperoleh pengetahuan tambahan melalui pengalaman.

Elemen yang terakhir, iaitu elemen keupayaan mengawal emosi dan stres pula, perlu dimiliki oleh setiap guru pelatih. Hal ini adalah kerana tekanan merupakan satu kondisi yang biasa berlaku dalam profesion perkhidmatan yang melibatkan interaksi sesama manusia. Justeru, untuk mengekalkan kualiti kerja guru pelatih, pengaplikasian ilmu daripada kursus-kursus seperti Psikologi Pendidikan dan Kursus Bimbingan dan Kaunseling kepada guru, diharapkan boleh membantu guru pelatih untuk lebih mengenali diri mereka sendiri, terutamanya daripada sudut emosi, sehingga mampu mengurus kecelaruan emosi dan stres dengan lebih efektif. Elemen ini perlu dimiliki oleh setiap guru pelatih kerana ia merupakan satu aspek penting yang meliputi psikologi kehidupan manusia, tanpa mengira profesion seseorang individu itu.

IMPLIKASI TERHADAP LATIHAN PENDIDIKAN GURU

Proses pendidikan guru pelatih merupakan satu proses yang kompleks, dan hasil daripada dapatan kajian telah menonjolkan beberapa elemen utama untuk menghasilkan seorang pengamal pendidikan (*practitioner*) yang kompeten. Latihan pendidikan guru perlu meningkatkan sistem PdP untuk guru pelatih agar mereka dapat mempersiapkan diri di alam perkhidmatan yang sebenar. Justeru, pensyarah di latihan pendidikan guru perlu membina tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan guru pelatih sebelum mereka memulakan profesion sebagai guru. Mereka perlu dilatih untuk membuat refleksi diri dengan menganalisis amalan mereka dalam konteks realiti pendidikan yang meluas.

Guru pelatih perlu didedahkan mengenai dasar pendidikan yang terkini dan pendekatan kontemporari dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bagi mengelakkan guru pelatih daripada mengalami masalah semasa menjalani latihan praktikum akibat kekeliruan dan perbezaan informasi yang diberikan oleh pihak latihan pendidikan guru dan sekolah. Kerjasama yang berterusan daripada pihak KPM dan latihan pendidikan guru juga mustahak dalam mengemaskini informasi yang terbaru mengenai hal ehwal pendidikan, agar latihan pendidikan guru boleh melahirkan guru pelatih yang boleh menjayakan matlamat KPM, terutamanya dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025.

Pensyarah juga perlu tampil dengan latihan yang lebih bersifat inovatif dan konstruktif kepada guru pelatih, dimana kebanyakan daripada kajian literatur mendapati bahawa guru pelatih menghadapi kesukaran dalam peralihan daripada teori yang telah dipelajari ke dalam situasi sebenar di dalam kelas atau sekolah. Menerusi

latihan tersebut, guru pelatih boleh mencetus minat, diberi cabaran, mempraktikkan teori dan mendatangkan solusi yang boleh membantu meningkatkan kompetensi mereka dalam pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga, pengalaman ketika di alam pengajian seharusnya mampu mengasah cara pemikiran (kognitif) mereka supaya lebih kritis, kreatif dan terbuka kepada kepelbagaian dimensi dalam profesion keguruan.

Selain daripada pensyarah atau guru pendidik di latihan pendidikan guru yang memainkan peranan penting dalam menambahbaik kurikulum latihan pendidikan guru, guru pelatih juga turut memainkan peranan yang sama. Komitmen yang tinggi daripada guru pelatih boleh memudahkan penambahbaikan reka bentuk kurikulum ini berjalan dengan baik (Abdul Rasid et al. 2015). Salah satu tanggungjawab guru pelatih juga adalah untuk meningkatkan perkembangan pengurusan diri mereka, yang merujuk kepada hal yang berkaitan dengan sendiri guru pelatih, iaitu dalam mengimbangi keperluan dan tuntutan pelbagai perkara dalam skop kerja dalam bidang keguruan.

KESIMPULAN

Malaysia merupakan di antara negara yang terawal dalam merangka sistem pendidikan tinggi yang mengandungi elemen dan cabaran bagi industri 4.0, sepertimana yang telah terkandung dalam Pelan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Revolusi perindustrian 4.0 menuntut pelbagai institusi pendidikan tinggi untuk mengemaskini reka bentuk kurikulum mereka bagi menghasilkan graduan yang berkebolehan dan bersedia untuk prospek kerjaya (job-ready). Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan bahawa sistem pendidikan tinggi perlu ditransformasikan mengikut keperluan generasi kini, yang mana trend dunia sekarang telah beralih kepada revolusi perindustrian 4.0 (The Malaysian Insight 1 Oktober 2017). Jika dilihat kesannya terhadap pendidikan abad ke-21 ini, pekerjaan yang ada pada masa kini mungkin akan terhapus dalam masa 10 tahun akan datang. Oleh itu keperluan untuk menghasilkan kurikulum yang menyediakan generasi fleksibel adalah amat penting. Hal ini disebabkan evolusi paradigma dalam pendidikan yang membawa banyak kelebihan untuk menampung minda generasi muda dalam menyediakan diri mereka untuk mengisi pekerjaan yang belum wujud pada ketika ini.

Dengan adanya revolusi 4.0, setiap institusi pendidikan tinggi yang menawarkan latihan pendidikan guru perlu membuat penambahbaikan kurikulum mereka mengikut elemen yang terkandung di dalam industri 4.0. Secara signifikannya, ia membolehkan guru pelatih untuk didedahkan dengan pembelajaran berasaskan kerja (work-based learning) dan dilengkapi dengan kemahiran komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreatif. Ia juga menjadi cabaran kepada panel pengubal kurikulum latihan pendidikan guru Pendidikan Islam, di mana mereka

perlu menyepadukan nilai-nilai yang diajarkan dalam Islam seiring dengan revolusi industri 4.0.

PENGHARGAAN

Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Institut Pengurusan dan Pemantauan Penyelidikan (IPPP), Universiti Malaya kerana telah menyokong penyelidikan ini. Kertas kerja ini merupakan hasil daripada penyelidikan yang dibiayai oleh geran penyelidikan UMRG (RP029B-16HNE).

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman. 2015. Keupayaan guru pelatih terhadap pelaksanaan aktiviti semasa latihan mengajar dalam pembentukan guru novis. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(1): 75-81.
- Chin, L. Y. & Norzaini Azman. 2017. Tekanan dan Kepuasan kerja guru yang berjauhan dengan keluarga: Kajian kes Lawas. Dlm. Jamaludin Badusah et al. (Pnyt.). *Prosiding Seminar Pendidikan Transdisiplin (STEd 2017)*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Creswell, J. W. 2007. *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Second Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Curran, B. & Wetherbee, N. 2014. *Engaged, connected, empowered: Teaching and learning in the 21st century*. New York: Routledge.
- Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S. 2011. *The SAGE handbook of qualitative research*. Fourth Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Fantilli, R. D. & McDougall, D. E. 2009. A study of novice teachers: Challenges and supports in the first years. *Teaching and Teacher Education*, 25: 814-825.
- Goh, P. S. C. 2013. Conceptions of competency: A phenomenographic investigation of beginning teachers in Malaysia. *The Qualitative Report*, 18(20): 1-16.
- Goh, P. S. C., Noor Shah Saad & Wong, K. T. 2012. The 'voices' of beginning teachers in Malaysia about their conceptions of competency: A phenomenographic investigation. *Australian Journal of Teacher Education*, 37(7): 58-70.
- Goh, P. S. C., Qismullah Yusuf & Wong, K. T. 2017. Lived experience: Perceptions of competency of novice teachers. *International Journal of Instruction*, 10(1): 21-36.
- Hoidn, S. 2017. *Student-centered learning environments in higher education classrooms*. New York: Palgrave MacMillan.
- Kamarul Md Shah, Farah Mukhtar, Hasnah Abdullah, Manoriza Abdul Malek & Zairiniah Mohd Shukur. 2017. Kemahiran generik dan pencapaian akademik dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1): 69-75.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. 2017. *Dokumen berkaitan Unjuran Ambilan Program Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) bagi bekalan guru sekolah menengah KPM bagi sesi akademik 2017/2018*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Tinggi.
- Lokman Mohd Tahir, Mohd Nihra Mohd Said, Roslee Ahmad, Khadijah Daud, Bambang Sumitono & Suhana Yusoff. 2014. Exploring the Induction Program for Novice Teachers. *Life Science Journal*, 11(8): 394-406.

- Miles, M. B., & Huberman, A. M. 1994. *Qualitative data analysis*. Second Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Mohd Aderi Che Noh, Mohd Sofian Mat Ludin & Asmawati Suhid. 2013. Teaching Competency among Islamic Educators in Malaysia. *World Applied Sciences Journal*, 24(2): 267-269.
- Muhaamad Hafis Nawawi. 2017. Pertukaran guru 'duka lara' paling ramai. *Harian Metro*, 28 Mei. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/05/233040/pertukaran-guru-duka-lara-paling-ramai>. Retrieved on: 9 November 2017.
- Mstar. 2015. Masalah guru duka lara akan diatasi - Mahdzir Khalid. 28 November. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/11/28/masalah-guru-duka-lara-diatasi/>. Retrieved on: 9 November 2017.
- OECD. 2014. *A Teachers' guide to TALIS 2013: Teaching and learning international survey*. TALIS, OECD Publishing.
- Orgoványi-Gajdos, J. 2015. Expert and Novice Teachers' Approaches to Problematic Pedagogical Classroom Situations. In. Ferit Uslu (Eds.). *Proceedings of INTCESS15-2nd International Conference on Education and Social Sciences*. Istanbul: International Organization Center of Academic Research.
- Oshrat-Fink, Y. 2014. From the Campus to the classroom: A narrative theory of novice teachers' transition processes. *Reflective Practice*, 15(6): 729-750.
- Rozana Sani. 2017. Riding the Industry 4.0 Wave. *New Straits Times*, 16 Ogos. <https://www.nst.com.my/education/2017/08/268377/riding-industry-40-wave>. Retrieved on: 6 November 2017.
- Rudy Fazrunisyam Samarudin. 2017. Selesai masalah guru 'duka lara'. *Harian Metro*, 16 Mei. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/05/229807/selesai-masalah-guru-duka-lara>. Retrieved on: 9 November 2017.
- Ruzina Jusoh. 2012. Job Satisfaction of New Teachers in Malaysia: Understanding Challenges And Experiences Of Leaving The Profession. Ph.D Dissertation, Colorado State University.
- Sinar Harian. 2015. Guru duka lara: 1,848 permohonan tukar dilulus. 21 Disember. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/guru-duka-lara-1-848-permohonan-tukar-dilulus-1.464418>. Retrieved on: 9 November 2017.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Yusoff. 2014. Active teaching methods: Personal experience of integrating spiritual and moral values. *Religious Education*, 109(5): 554-570.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2017. Stres dan cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih semasa latihan mengajar. Dlm. Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Asyraf Isyraqi Jamil, Ahmad Yussuf, Mohd Anuar Mamat & Abd Aziz Rekan (Pnyt.). *Panduan latihan mengajar guru pendidikan Islam*, 53-70. Kuala Lumpur: Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- The Malaysian Insight. 2017. Sistem pendidikan tinggi negara perlu berubah. Kata Menteri. 1 October. <http://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/16768/>. Retrieved on: 6 November 2017.
- Wolff, C. E., Jarodzka, H. & Boshuizen, H.P.A. 2017. See and tell: Differences between expert and novice teachers' interpretations of problematic classroom management events. *Teaching and Teacher Education*, 66: 295-308.

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim*
 Program Pendidikan Islam
 Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
 Phone Number : +6012 930 1354
 Email : tgsarina@um.edu.my

Fatimah Sahida Abdurajak
 Program Pendidikan Islam
 Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
 Phone Number : +6738 917 215
 Email : fsahida@siswa.um.edu.my

Pengarang untuk surat-menyurat, e-mail: tgsarina@um.edu.my

Diserahkan: 10 November 2017

Diterima: 23 Februari 2018